

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, February 11, 2020 9:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sikap Profesionalisme Tingkat Persepsi Positif Warga Kerja Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 FEBRUARI 2020 / 17 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Nurul Sahadar Che Nuh
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SIKAP PROFESIONALISME TINGKAT PERSEPSI POSITIF WARGA KERJA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Penjawat awam universiti perlu mempamerkan sikap profesionalisme bagi menonjolkan persepsi positif pelajar dan masyarakat luar terhadap sistem penyampaian perkhidmatan UUM.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, tadbir urus yang baik mencerminkan sikap profesionalisme staf universiti ini sebagai penjawat awam.

Menurutnya, sikap profesionalisme yang tinggi akan memberikan gambaran kepada pelajar dan masyarakat luar betapa warga kerja universiti mempunyai nilai komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas diamanahkan.

Katanya, sikap tersebut jugalah yang akan dapat meningkatkan keyakinan dan persepsi masyarakat luar terhadap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Sebagai penjawat utama, kita juga harus meningkatkan lagi usaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan masa kini bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing dengan lebih cekap dan berkesan.

"Usaha ini termasuk menilai kembali sistem dan prosedur kerja sedia ada, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, peralatan dan kelengkapan yang digunakan serta tahap kemahiran staf yang melaksanakan tugas," katanya pada Majlis Perasmian Kursus Penjawat Utama di EDC Hotels & Resorts, hari ini.

Pada majlis sama, beliau berkata, kerajaan memandang serius terhadap jumlah penjawat awam yang semakin meningkat.

Menurutnya, penambahan penjawat awam adalah selaras dengan penghantaran maklumat yang cepat dan penambahan data pelajar yang semakin bertambah sehingga 30,000 orang pada tahun ini di UUM.

Katanya, berdasarkan penambahan data tersebut, beliau ingin meningkatkan sistem penyampaian yang lebih cepat dan efisien kepada 70 peratus ke arah UUM menjadi kampus digital pada tahun hadapan seiring dengan era digital serta kaedah pengajaran dan pembelajaran juga akan dilakukan secara atas talian (online).

"Saya juga ingin memecahkan tradisi 35 tahun UUM yang selama ini menggunakan kertas dalam ujian peperiksaan dengan menggantikan kepada konsep peperiksaan secara dalam talian," katanya.

Bengkel selama dua hari itu disertai penjawat utama universiti terdiri Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, dekan pusat pengajian, pengarah institut dan pusat tanggungjawab serta pengetua Inapan Siswa (INASIS).

Naib Canselor berkata, beliau yakin dan berharap kursus itu bukan menjadi rutin saban tahun tetapi dapat menonjolkan kelainan dan memberi tambah nilai dalam usaha menjayakan agenda yang dirancang universiti pada tahun ini.

Menurutnya, dalam pendidikan hari ini akses kepada komunikasi dan teknologi canggih merupakan nadi yang dapat memacu kecemerlangan universiti dan UUMIT akan menjadi '*backbone*' kepada UUM pada masa hadapan bagi memastikan perkhidmatan penyampaian lebih cepat dan efisien ke arah menjadikan UUM sebagai kampus digital.

"Selain itu, kerjasama universiti dengan industri utama juga berperanan penting untuk meletakkan UUM ke persada yang lebih tinggi. Penjawat utama perlu menonjolkan kemahiran dan kredibiliti yang ada bagi mengelak tanggapan industri bahawa universiti hanya untuk akademik dan teoretikal sahaja.

"Pada masa sama, UUM juga perlu bertindak sebagai perantara antara komuniti dengan industri untuk memastikan universiti diiktiraf sebagai peneraju kepada transformasi pembangunan hubungan antara masyarakat dengan industri. Pelbagai sumbangan dan projek berimpak tinggi juga boleh dilaksanakan oleh universiti untuk memastikan universiti

menyumbang kepada komuniti, contohnya menerusi program 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D)," katanya.

Sepanjang dua hari kursus, peserta akan mengikuti enam slot yang disediakan iaitu Slot 1 bersama Prof. Dr. Abdullah Gani (Relevansi Universiti Dalam Era Revolusi Industri 4.0); Slot 2 bersama Pendaftar, Baharudin Yaacob dan Pemangku Bendahari, Eylani Ahmad (Cabaran dan Hala Tuju Pengurusan Universiti); Slot 3 bersama Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd Mokhtar (Pengurusan Kualiti Universiti); Slot 4 bersama Penasihat Undang-undang, Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub (Tatatertib Staf: Akta 605, Etika Profesional dan Kaedah Media Sosial); Slot 5 bersama Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya SPRM, Mohd Tarmize Abd. Manaf (Akauntabiliti dan Integriti Dalam Organisasi) dan Slot 6 bersama Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Tengku Ariff (*The Need for Quality Oriented Corporate Culture*).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.